

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah yang telah diambil bagi menangani kos bahan binaan yang telah meningkat tinggi akibat 'Perintah Kawalan Pergerakan' di mana banyak projek pembinaan tergendala dan kontraktor-kontraktor kecil tidak berupaya menyiapkan projek-projek mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu kenaikan kos bahan binaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia serta agensi pelaksana berkaitan telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama pemain industri untuk memperhalusi perkara tersebut. Hasil daripada sesi libat urus bersama industri, KKR telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan semula peruntukan pengiraan klausa perubahan harga (*Variation of Price*, VOP) kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Justeru itu, MoF telah menguatkuasakan Pekeliling Baharu PK2.4 Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (*Variation of Price – VOP*) di dalam kontrak kerja pada 15 Julai 2021. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 meliputi kerja bangunan, kejuruteraan awam dan mekanikal & elektrikal (M&E). Antara bahan binaan yang diberi kemudahan VOP adalah seperti berikut:

**(a) Kerja bangunan dan kejuruteraan awam:**

1. *Mild Steel Round Bars*
2. *High Tensile Deformed Bars*
3. *Crusher Run*
4. *Water Pipe and Sewerage Pipe*

**(b) Kerja M&E:**

1. *Copper Cables*
2. *Switchgears*
3. *Transformers*
4. *Generators*
5. *Lightning Protection System and Earthing System*
6. *Air Conditioning System*

**7. Motor (*Pumpset*)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, KKR melalui CIDB Malaysia telah melaksanakan pemantauan harga bulanan dan menerbitkannya melalui Portal *National Construction Cost Centre* (N3C) ([www.n3c.cidb.gov.my](http://www.n3c.cidb.gov.my)). Harga bahan binaan ini dikumpulkan melalui kerjasama dengan beberapa persatuan berkaitan pembinaan dan diperolehi daripada kontraktor.

Kenaikan kos antaranya adalah disebabkan penutupan kilang dalam tempoh PKP, yang mana telah menjaskan operasi kilang khasnya yang mengeluarkan bahan binaan yang seterusnya memberi impak kepada pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN), dengan pembukaan sektor ekonomi secara berfasa yang antaranya akan membenarkan operasi kilang, KKR menjangkakan pengeluaran bahan binaan tersebut dapat menstabilkan semula harga bahan binaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tahap peratusan vaksinasi masyarakat luar bandar. Apakah ada dalam kalangan masyarakat bandar atau luar bandar antivaksin dan bagaimana Kerajaan menyelesaikan masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini (5 Oktober 2021) telah mencapai kadar populasi dewasa lengkap divaksinasi sebanyak 88.4%. Melihat kepada pencapaian ini, CITF optimis usaha PICK sedang berjalan mengikut landasan dan perancangan ditetapkan.

Bagi peratusan vaksinasi masyarakat luar bandar, MOSTI menerusi CITF tidak mempunyai data menyeluruh terhadap kategori masyarakat yang dimaksudkan. Buat masa ini, data CITF meliputi kategori penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, OKU, komorbid dan mengikut daerah di setiap negeri.

Bagi persoalan masyarakat bandar atau luar bandar yang antivaksin, MOSTI juga tidak mempunyai data khusus mengenai perkara

ini. Walau bagaimanapun, pendirian terkini Kerajaan berhubung isu antivaksin ini adalah seperti berikut iaitu:

Kerajaan akan meneruskan usaha advokasi dan memberi penerangan mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 kepada masyarakat, di samping menambah baik pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 oleh masyarakat di setiap pelusuk negara ini.

Kerajaan turut meneliti beberapa alternatif lain untuk meningkatkan penerimaan vaksin COVID-19, iaitu:

- i. Pilihan 'Opt Out' untuk tidak mengambil vaksin bagi individu yang tidak mahu mengambil vaksin dan bersetuju untuk tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penerima vaksin COVID-19 lengkap;
- ii. Mewajibkan individu lengkap pengambilan vaksin COVID-19 sebagai syarat untuk melakukan aktiviti tertentu seperti memasuki fasiliti awam (seperti institusi pendidikan, perpustakaan dan sebagainya) dan aktiviti sosial (seperti bersukan dan beriadah);
- iii. Cadangan mewajibkan pengambilan vaksin dalam sektor tertentu sahaja seperti sektor kesihatan, sektor keselamatan, sektor pendidikan dan sektor perkhidmatan melalui peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].

Langkah mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia merupakan cadangan inisiatif terakhir yang hanya akan dilaksanakan sekiranya perlu bagi mencapai liputan imunisasi yang optimum.

Sekian, terima kasih.